

LAPORAN TAHUNAN 2017



KANDUNGAN CONTENT

3 Visi, Misi, Objektif
Vision, Mission, Objectives

4 Perutusan Menteri Sains,
Teknologi & Inovasi
Message from the Minister of
Science, Technology
and Innovation

6 Perutusan Ketua Setiausaha,
Kementerian Sains, Teknologi
dan Inovasi
Message from the Secretary
General, Ministry of Science,
Technology and Innovation

8 Laporan Ketua Pengarah
Report by the Director
General

12 Carta Organisasi
Organisational Chart

14 Barisan Pengurusan
Management Team

16 Penyelidikan dan
Pembangunan Teknologi
Research and Technology
Development

28 Pemindahan dan
Pengkomersialan Teknologi
Technology
Commercialisation and
Transfer


42 Perkhidmatan Teknikal dan
Sokongan
Technical Services and
Support

44 Teknologi Reaktor
Reactor Technology

54 Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan
Occupational Safety and
Health

58 Hubungan dan Kerjasama
Antarabangsa
International Relations and
Cooperation

60 Program Pengurusan
Management Programme



PERUTUSAN MENTERI

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI



Y.B DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

MESSAGE FROM THE MINISTER

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

Science, technology and innovation (STI) is one of the drivers for economic growth and socialwell being.

MOSTI has been always working hard to carry out its responsibility to drive the national transformation through STI. Innovation raises productivity through new or improved processes, technologies and business models in all sectors.

Sains, teknologi dan inovasi (STI) merupakan salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat.

Justru, MOSTI sentiasa berusaha gigih untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai peneraju perubahan negara dengan menjana kekayaan melalui STI. Melalui inovasi, produktiviti dapat dipertingkatkan dengan adanya penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan dalam semua sektor.

Kekangan dari segi peruntukan dan kepakaran diatasi dengan menggiatkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Inisiatif seperti meningkatkan penyelidikan berdasarkan permintaan pasaran, memperkuuhkan kerjasama antara penyelidik dengan industri dan menggalakkan pelaburan swasta dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) telah dilaksanakan. Kerjasama antara industri dan para penyelidik akan membantu untuk merangka penyelidikan dan pembangunan yang mempunyai potensi perniagaan, di samping menyumbang idea, infrastruktur, peralatan dan kepakaran. Inisiatif R&D&C&I yang bersepudu akan menjana pulangan pelaburan yang tinggi dalam jangka masa panjang dan merangsang peningkatan produktiviti.

Saya percaya, Nuklear Malaysia sebagai sebuah agensi yang meneraju teknologi nuklear di Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan (P&P) untuk menjana teknologi dan produk baharu. Peluang dan ruang yang diberikan kepada para penyelidik perlu dimanfaatkan untuk menghasilkan output penyelidikan berimpak tinggi. Selain itu, Nuklear Malaysia hendaklah lebih proaktif dalam mempromosikan teknologi nuklear dengan memberi penekanan terhadap aspek keselamatan. Kita dapat masih ramai individu atau organisasi yang berasa sangsi terhadap teknologi nuklear, khususnya untuk penjanaan tenaga; maka menjadi tanggungjawab kita untuk memberi suntikan kesedaran kepada mereka mengenai kebaikan dan kelebihan teknologi ini.

Constraints in terms of allocation and expertise are addressed by stimulating the National Blue Ocean Strategy (NBOS). Initiatives such as increasing market-driven research, enhancing cooperation between researchers and industries and encouraging private sector's investment in research, development, commercialisation and innovation (R&D&C&I) has been implemented. Cooperation between the industries and researchers will help to formulate a commercially viable R&D programme besides providing ideas, infrastructure, equipment and expertise. This integrated R&D&C&I initiative will generate high return on investment over time and stimulate productivity.

Nuklear Malaysia as a lead agency in nuclear technology is instrumental in conducting research and development (R&D), generating new technologies and products. Opportunities and means provided to researchers should be utilised to produce high-impact research outputs and outcomes. Nuklear Malaysia has to be more proactive in promoting nuclear technology to the public especially on safety aspects. There are still many individuals and organisations that are sceptical of nuclear technology, especially for generation of energy; hence, it is our collective responsibility to instill awareness among them on the benefits of the technology.

Y.B DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Minister of Science, Technology and Innovation

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI



MESSAGE FROM THE SECRETARY GENERAL

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR B. HJ. YAHAYA

understanding being translated into market ready R&D products. Under the 11th Malaysia Plan, MOSTI had emphasized mastery and empowerment in strategic areas and technologies to expand the country's competitiveness.

Selaku agensi peneraju pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) adalah menjadi matlamat MOSTI bahawa kesedaran dan kefahaman STI terus dipertingkatkan

serta diterjemahkan secara praktikal iaitu di peringkat awal penjanaan idea sehingga kepada penghasilan produk R&D yang diterima pasaran. Malahan di bawah RMKe-11, MOSTI memberi penekanan kepada penguasaan dan pemerkasaan bidang dan teknologi strategik bagi meningkatkan daya saing negara.

As the lead agency for the development of STI, it is MOSTI' aspiration to see STI awareness and

Malahan di bawah RMKe-11, MOSTI memberi penekanan kepada penguasaan dan pemerkasaan bidang dan teknologi strategik bagi meningkatkan daya saing negara. Aktiviti R&D pula berorientasi permintaan yang melibatkan kerjasama erat antara institut penyelidikan, universiti dan industri serta inklusif, dengan penyertaan semua pemegang kepentingan.


Aktiviti R&D juga menghadapi cabaran besar untuk "merakyatkan sains" iaitu memastikan seluruh anggota masyarakat, terutama di peringkat akar umbi, lebih mudah memahami STI serta dapat merasai impak STI ke atas urusan kehidupan harian dan kualiti hidup mereka. Dalam hubungan ini, MOSTI berusaha untuk berkomunikasi dengan pemegang kepentingan dalam bahasa yang lebih mudah difahami untuk menarik minat dan penglibatan mereka, ke arah agenda STI negara yang lebih inklusif. Pelbagai program seperti MOSTI Social Innovation (MSI) dilaksanakan dengan matlamat untuk mengarusperdanakan inovasi akar umbi sejajar dengan inovasi yang dihasilkan melalui makmal oleh para penyelidik dan saintis. Keutamaan diberikan kepada projek-projek yang kosnya rendah, berimpak tinggi dan boleh dilaksanakan dengan cepat.

Kejayaan Nuklear Malaysia mengaplikasi teknologi yang dibangunkan bagi memperkasa sosioekonomi masyarakat luar bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah adalah amat dihargai. Nuklear Malaysia juga terus menyokong agenda negara dengan memberi tumpuan pada projek penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan dan dapat memberi impak kepada ekonomi dan kemajuan negara.

Y.BHG DATUK SERI DR MOHD AZHAR B. HJ. YAHAYA
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Secretary General, Ministry of Science, Technology and Innovation

LAPORAN KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA



SPEECH OF DIRECTOR GENERAL

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY

Nuklear Malaysia continues to be relevant as a function of the nation's nuclear technology. This function is in line with the role of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) as a driving force for innovation.

Nuklear Malaysia continued their excellence this year which is 48 large and potential research projects was commercialized and have been produced.

Nuklear Malaysia terus relevan sebagai fungsi peneraju teknologi nuklear negara. Fungsi ini selaras dengan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pemacu perubahan kekayaan melalui inovasi.

Kecemerlangan Nuklear Malaysia diteruskan pada tahun ini di mana sebanyak 48 buah projek penyelidikan berimpak besar serta berpotensi yang dikomersialkan telah dihasilkan.

Projek penyelidikan dan pembangunan (P&P) merupakan hasil di bawah dana *ScienceFund* dan memberi tumpuan terhadap enam teras utamanya iaitu teknologi perubatan, sumber air, sisa dan alam sekitar, teknologi industri, teknologi sinaran, teknologi reaktor nuklear serta agroteknologi dan biosains. Hasilnya, Nuklear Malaysia telah menghasilkan 15 produk, 7 proses, 19 prosedur, 2 pangkalan data dan 5 perisian. Jumlah penerbitan juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 434 penerbitan berbanding 386 pada tahun 2016. Penerbitan yang dihasilkan adalah meliputi buku, bab dalam buku, tesis, jurnal, pembentangan antarabangsa & kebangsaan, prosiding, penerbitan am serta lain-lain penerbitan.

Pada tahun 2017, Nuklear Malaysia juga meneruskan projek MOSTI *Social Innovation* (MSI). Menerusi projek MSI ini, masyarakat memperoleh manfaat bersama khususnya bagi meningkatkan tahap sosioekonomi ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan projek MSI yang telah dijalankan adalah berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman pegawai penyelidik berserta kemudahan yang dimiliki di agensi ini. Antara projek MSI yang dijalankan adalah Projek Peningkatan Hasil Padi Menggunakan Paket Teknologi Nuklear, Paket Penanaman Stevia, Nanohibrid Biokomposit dan *Bamboo Liquid Smoke*.

Research and development (R&D) projects are the result of the *ScienceFund* fund and focus on its six core thrusts - medical technology, water resources, waste and environment, industry technology, radiation technology, nuclear reactor technology and agrotechnology and bioscience. As a result, Nuklear Malaysia has produced 15 products, 7 processes, 19 procedures, 2 database and 5 softwares. The total number of publications also showed an increase of 434 publications compared to 386 in 2016. The list of publication including books, book chapters, theses, journals, international & national presentations, proceedings, general publications and other publications.

In 2017, Nuklear Malaysia is also pursuing the MOSTI Social Innovation (MSI) project. Through this MSI project, communities benefit from these projects, especially to improve socioeconomic levels in a better condition. An implementation of the MSI project has been based on the expertise and experience of research officers and facilities in this agency. Among the MSI projects being carried out are Paddy Product Improvement Projects Using Nuclear Technology Package, Stevia Planting Package, Nanohibrid Biocomposite and Bamboo Liquid Smoke.



Pelbagai pencapaian telah dihasilkan di Nuklear Malaysia. Hasil kerja keras pasukan penyelidikan, kita mampu memperoleh kejayaan yang membanggakan. Nuklear Malaysia telah memperoleh kejayaan dengan merangkul 2 Emas, 2 Perak dan 1 Gangsa di Malaysian Technology Expo (MTE) 2017. Nuklear Malaysia juga memenangi 2 Emas di 28th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2017) dan 7 Perak berserta 10 Gangsa pada Hari Inovasi Nuklear Malaysia (HINM) 2017.

Atas kejayaan dan kepaikan yang dimiliki oleh Nuklear Malaysia, 10 Perjanjian Kerjasama (MOA) dan 9 Perjanjian Kerahsiaan (NDA) telah ditandatangani. Hasilnya, sebanyak 5 produk iaitu baka baharu Cendawan Volvariella, Bioliquifert, GEM-2, SARM dan *Aquaculture Cage* telah dikomersialkan. Manakala 4 produk lagi iaitu *Calibration Radiation Measuring Instrument*, *High Dose Dosimetry For Industrial Application*, *TLD Personal Dosimetry* dan *OSL Personal Dosimetry* menembusi pasaran luar negara.

Pencapaian ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran dan semangat para penyelidik dan penggalak kepada penghasilan produk inovasi lain. Kejayaan yang dicapai tidak akan terlaksana tanpa sokongan masyarakat awam. Justru program kesedaran awam mengenai teknologi amat penting. Pada tahun 2017 Nuklear Malaysia berjaya menarik seramai 2308 (mengikut data e-Client) orang pelawat ke agensi ini melalui beberapa siri lawatan.

Pelbagai usaha giat dijalankan untuk meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti penyelidikan untuk menempuh cabaran pada masa akan datang. Tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak baik dari masyarakat setempat, pegawai profesional dan pelaksana di Nuklear Malaysia, pastinya kejayaan ini tidak tercapai. Oleh yang demikian, Nuklear Malaysia berharap agar golongan ini akan terus menyokong dan membentuk hala tuju masa depan negara.

Y.BHG. DATUK DR MOHD ASHHAR HJ. KHALID
Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

Various achievements have been made in Nuklear Malaysia. Base on the hard work of the research team, we are capable in achieving great success. Nuklear Malaysia has won 2 Gold, 2 Silver and 1 Bronze at Malaysian Technology Expo (MTE) 2017. Nuklear Malaysia also won 2 Gold at 28th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2017) and 7 Silver with 10 Bronze at Nuklear Innovation Day Malaysia (HINM) 2017.

Due to the success and expertise of Nuklear Malaysia, 10 Memorandum of Agreement (MOAs) and 9 Non-Disclosure Agreement (NDAs) have been signed. As a result, as many as 5 products which is the new breed of Volvariella Mushrooms, Bioliquifert, GEM-2, SARM and Aquaculture Cage have been commercialised. The other four products, Calibration Radiation Measuring Instrument, High Dose Dosimetry For Industrial Application, Personal Dosimetry TLD and OSL Personal Dosimetry penetrate the overseas market.


This achievement can indirectly raise the awareness and enthusiasm among researchers and as an incentive to create other innovation products. Success cannot be achieved without the support of the public. Hence, the public awareness programme on technology is very important. In 2017, Nuklear Malaysia attracted a total of 2308 (according to e-Client data) visitors to this agency through a series of visits.

Various efforts have been implemented to further improve the quality and quantity of research in facing challenges in the future. Without the support and cooperation of all parties from the local community, supporting and professional staff in Nuklear Malaysia, this is certainly cannot be achieved. Therefore, Nuklear Malaysia hopes that these groups will continue to support and shape the future direction of the country.

Y.BHG. DATUK DR MOHD ASHHAR HJ. KHALID
Director General Malaysian Nuclear Agency

CARTA ORGANISASI

ORGANISATIONAL CHART



BARISAN PENGURUSAN



PROGRAM PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN TEKNOLOGI RESEARCH & TECHNOLOGY DEVELOPMENT PROGRAMME



DR. DAHLAN B. HJ MOHD
Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi
Deputy Director General Research & Technology Development Programme



DR. ABDUL RAHIM B. HARUN
Pengarah Bhg. Agroteknologi & Biosains (BAB)
Director of Agrotechnology & Biosciences Division



DR. SHUKRI B. MOHD
Pengarah Bhg. Teknologi Industri (BTI)
Director of Industrial Technology Division



DR SHAFIEE B. KHAMIS
Pengarah Bhg. Teknologi Perubatan (BTP)
Director of Medical Technology Division



DR. CHANTARA THEVY A/P RATNAM
Pengarah Bhg. Teknologi Pemprosesan Sinaran (BTS)
Director of Radiation Processing Technology Division

PROGRAM PERKHIDMATAN TEKNIKAL TECHNICAL SERVICES PROGRAMME



DR. ABDUL MUIN B. ABDUL RAHMAN
Program Perkhidmatan Teknikal
Deputy Director General Technical Services Programme



EN. MOHD SIDEK B. OTHMAN
Pengarah Bhg. Keselamatan & Kesihatan Sinaran (BKS)
Director of Radiation Safety & Security Division



DR. SITI A'IASAH BT. HASHIM
Pengarah Bhg. Sokongan Teknikal (BST)
Director of Technical Services Division



IR. AMIRUDDIN B. MOHAMED
Pengarah Bhg. Kejuruteraan (BKJ)
Director of Engineering Division



DR. MOHD ABD WAHAB B. YUSOF
Pengarah Bhg. Teknologi Sisa & Alam Sekitar (BAS)
Director of Environmental & Waste Technology Division

PROGRAM PENGKOMERSIALAN DAN PERANCANGAN TEKNOLOGI COMMERCIALISATION & TECHNOLOGY PLANNING PROGRAMME



DR. ZULKIFLI B. MOHAMED HASHIM
Pengarah Kanan Senior Director



DR. NORIAH BT. JAMAL
Pengarah Bhg. Perancangan & Hubungan Antarabangsa (BPA)
Director of Planning & International Affair Division



TN. HJ. AHAMAD SAHALI B. MARDI
Pengarah Bhg. Pengkomersialan Teknologi (BKT)
Director of Technology Commercialisation Division

PROGRAM PENGURUSAN MANAGEMENT PROGRAMME



DR. WAN SAFFIEY B. H.J. WAN ABDULLAH
Pengarah Kanan Senior Director



EN. ZAKARIA B. TAIB
Pengarah Bhg. Pembangunan Sumber Manusia (BSM)
Director of Human Resources Division



CIK HABIBAH BT. ADNAN
Pengarah Bhg. Pengurusan Maklumat (BPM)
Director of Information Management Division



EN. ROSLEEZAM B. JAMAUDIN
Pengarah Bhg. Khidmat Pengurusan (BKP)
Director of Management Services Division

MANAGEMENT TEAM





PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

RESEARCH & TECHNOLOGY DEVELOPMENT

Dalam bidang penyelidikan & pembangunan teknologi (P&P), Nuklear Malaysia sentiasa bergiat secara aktif untuk meneraju bidang utama P&P bagi meningkatkan industri dan produktiviti negara. Nuklear Malaysia juga memberi tumpuan terhadap enam teras utamanya iaitu teknologi nuklear dan berkaitan iaitu teknologi perubatan; sumber air, sisa dan alam sekitar; teknologi industri; teknologi sinaran; teknologi reaktor nuklear serta agroteknologi dan biosains. Enam teras utama ini membantu usaha negara bagi menjana jumlah hasil pendapatan khususnya meningkatkan produktiviti dalam bidang P&P. Berikut adalah pencapaian dalam bidang P&P :

In the field of research & technology development (R&D), Nuklear Malaysia is actively move forward in leading R&D areas to enhance the country's industry and productivity. Nuklear Malaysia also focuses on its six core thrusts - nuclear and related technologies namely medical technology; water resources, waste and environment; industrial technology; radiation technology; nuclear reactor technology as well as agrotechnology and biosciences. These six major thrusts help the country's efforts to generate revenue, in particular increasing productivity in R&D. Follows are R&D's achievements:



Senarai produk List of product

Penghasilan teh dari cendawan Volvariella volvacea	Anak benih stevia untuk Duta Nusajaya	Mutan cendawan Pleurotus Kelabu dan Putih	Produk biobaja pepejal berdasarkan Mushroom Spent Compost (MSC)
Improved corer sampler for lake, river and coastal application (Sediment Corer)	Coral Sampler	Produk Iodin	Radiation Compatible Thermoplastic Elastomers (TPEs) for HealthCare Industry
Prototype for battery cable	Real-time radiographic film digitizer		
Formulation of cable compound for automotive			Tiang sokongan Biokomposit untuk Sistem Perladangan Lada Hitam
Penghasilan Epoxidized Palm Oil Acrylate (EPOLA)/Overprint Varnish (OPV)	National Thorium Lab	Interlock concrete mould	Real-time radiographic film

Senarai proses List of process

- 1** Proses 'hardening' anak benih kultur tisu stevia untuk nurseri Duta Nusajaya
- 2** Pensterilan *Mushroom Spent Compost* menggunakan kaedah sinaran dan haba
- 3** Extraction methods for high yield production of vitexin from *Ficus deltoidea*
- 4** Proses pengeluaran kapsul iodin-131
- 5** Proses Penghasilan tiang sokongan biokomposit
- 6** Pulse Eddy Current Probe Fabrication
- Concrete mix design**

Senarai prosedur List of procedure

- 1** SOP for Rapid and Efficient Production of *Stevia rebaudiana Bertoni* Tissue Culture Seedlings
- 2** SOP penanaman, pembiakan dan penjagaan pokok mutan orkid dan kekwa
- 3** Protokol analisis sarang burung walit berdasarkan parameter:
 - a) isotop stabil - teknik IRMS
 - (i) Standard Operating Procedure for Determination of Stable Isotopes $\delta^{13}\text{C}$ and $\delta^{15}\text{N}$ in Edible Bird's Nest by Elemental Analyzer Isotope Ratio Mass Spectrometry (EA-IRMS)
 - (ii) Standard Operating Procedure for Determination of Stable Isotopes $\delta^{18}\text{O}$ and $\delta^{2}\text{H}$ in Edible Bird's Nest by High Temperature Isotope Ratio Mass Spectrometry (HTEA-IRMS)
 - b) unsur surih - teknik ICPMS dan NAA
 - (i) Standard Operating Procedure for Determination of Trace Elements in Edible Bird's Nest by Inductively Coupled Plasma – Mass Spectrometry (ICP-MS).
 - (ii) Standard Operating Procedure for Determination of Trace Elements in Edible Bird's Nest by Neutron Activation Analysis (NAA)

c) profil metabolit teknik LC-MS

Standard Operating Procedure for Metabolomic Analysis of Edible Bird's Nest Using Ultra-Performance Liquid Chromatography-Quadrupole/Time-of-Flight Mass Spectrometry (UPLC-Q-TOF LC-MS)

d) DNA barcoding untuk penentuan ketulenan

Standard Operating Procedure for Traceability of Edible Bird's Nest Using DNA Barcoding

- 4** SOP Penghasilan Benih *Volvariella volvacea* menggunakan teras kenaf

- 2** SOP for Stevia Post-Harvest Process

- 3** Procedure For Measuring Qualitative and Quantitative of The Gamma Emitteradioactivity Using Gamma Spectrometry System for Nuclear Forensic

- 5** Prosedur Pengeluaran Kapsul Iodin-131

- 6** Prosedur Kawalan Mutu Iodin -131

- 7** FNCA Guidelines on Chitosan PGP Application for Rice, Chilli and other Crops

- 8** Procedures for Gas Sensing Measurements

- 9** Procedure for Concrete Mixed Design

- 10** Procedure for Surveying Old and Damaged Building

- 11** Operating procedure for hot dipping controller

- 12** Procedures for Electrospinning

- 13** Procedure of Portable Gamma Scorpion Computed Tomography

- 14** Radiographic Testing – Digital (Rt-D) Inspection Procedure: Wall Thickness Measurement For Pipes Using Digital Detector Array (DDA) With X-Ray

- 15** Industrial Radiography Emergency Response Plan Procedure for Careion Technologies Sdn. Bhd


- 16** SOP for field emission scanning electron microscope (FESEM)

- 17** Procedure for Ultrasonic Inspection of Hardened Concrete

Senarai pangkalan data List of database



Senarai perisian List of software



46,546

Sijil / Laporan analisis yang dikeluarkan oleh kemudahan utama

Analysis certificates / Reports issued by main facilities

3776

Sijil Tentukuran

626

Sijil Ujian Kebocoran

53

Sample Analysis Result

4560

Laporan Dos Lencana TLD & Cip TLD

30000

Laporan Dos OSL

114

Sijil Laporan Analisis Khidmat Luar

80

Sijil Laporan Analisis Khidmat Dalaman

2971

Sijil dan Laporan Analisis Makmal RAS

3,776

Sijil Tentukuran Alat-alat Meter Tinjau

27

Sijil Tentukuran Dosimeter Ceric-Cerous

345

Sijil Tentukuran Alat-alat ujian Radiologi Diagnostik

41

Sijil Tentukuran Dose Calibrator

106

Sijil Kawalan Mutu (QC)
Radas Sinar-X
Perubatan

69

Sijil Ujian Ketebalan Kesetaraan Plumbum untuk bilik-bilik & kemudahan Penyinaran

2

Sijil Tentukuran Thyroid Counter



434

Jumlah Penerbitan Total Publication

15	Buku / Book
4	Bab dalam buku / Chapter in book
8	Tesis (Sarjana dan PhD) / Thesis – Hasilan staf Nuklear Malaysia / Output of Nuklear Malaysia's staff
21	Tesis (Sarjana dan PhD) / Thesis – Staf Nuklear Malaysia sebagai penyelia / Nuklear Malaysia's staff as a supervisor
80	Jurnal antarabangsa / International journal
6	Jurnal kebangsaan / National journal
97	Pembentangan antarabangsa / International presentation
110	Pembentangan kebangsaan / National conference
7	Penerbitan am antarabangsa / International general publication
74	Penerbitan am kebangsaan / Laporan teknikal National general publication / Technical report
12	Lain-lain penerbitan / Others publication



MERAKYATKAN TEKNOLOGI NUKLEAR HUMANISING NUCLEAR TECHNOLOGY

Projek MSI MSI Project

Nuklear Malaysia sentiasa giat melaksanakan pelbagai projek bagi merakyatkan teknologi nuklear di Malaysia. Usaha ini dilaksanakan melalui inisiatif *MOSTI Social Innovation* (MSI). Menerusi projek MSI ini, masyarakat memperoleh manfaat bersama khususnya bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan projek MSI yang telah dijalankan adalah berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman pegawai penyelidik berserta kemudahan yang dimiliki di agensi ini.

Nuklear Malaysia has actively involved in MOSTI Social Innovation (MSI) projects. Through MSI project, communities get mutual benefits, especially in enhancing their socio-economic levels in a better condition. Implementation of the MSI project has been based on the expertise and experience of research officers as well as the facilities owned by this agency.



Kemudahan berteknologi tinggi rumah pengeluaran benih cendawan Volvariella (*High-Tech Facilities for Production House of Volvariella Mushroom Spawn*)
Home technological facility of Volvariella mushroom seed production (*High-Tech Facilities for Production House of Volvariella Mushroom Spawn*)



Pakej penanaman mutan tanaman hiasan untuk penjanaan ekonomi baru bagi komuniti Kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah

Planting package of mutant plants to generate new economy for community at Bundu Tuhan Village, Ranau, Sabah



Pakej penanaman stevia untuk penjanaan ekonomi baru bagi komuniti di Tuaran, Sabah
Stevia planting package to generate new economy for community at Tuaran, Sabah

PENGURUSAN HARTA INTELEK INTELLECTUAL PROPERTY MANAGEMENT

Tiga Jenis Paten

Three Types of Pattern

Nuklear Malaysia telah berjaya memperolehi tiga jenis paten.
Nuklear Malaysia has been granted three types of patent.

Nama Paten/ Patent Name	Patent/ Paten	Tarikh perolehi/ Date of grant
1 <i>An Improved Thermal Processing Apparatus</i>	MY-160078-A	15 Februari 2017
2 <i>An Improved Composition Containing Polyvinyl-Chloride</i>	MY-161626-A	28 April 2017
3 <i>An Ultraviolet Curable Resin Composition And Method Thereof</i>	MY-160885-A	31 Mac 2017

Pencapaian Inovasi

Innovation Achievement

Program / Programme	Pingat/Award	Tajuk/Title
Malaysian Technology Expo (MTE) 2017	Emas : 2 Perak : 2 Gangsa:1	<u>Emas / Gold :</u> 1. <i>Radiation Compatible TPE Compounds for Healthcare Applications.</i> 2. <i>Acoustics Emission : Advance Non-Destructive Testing for Pressure Vessel Inspection</i> <u>Perak / Silver :</u> 1. Smart Survey Meter 2. Smart Radiation Monitoring System (SRM SYSTEM) <u>Gangsa / Bronze:</u>
28 th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2017)	Emas : 2 Perak : Gangsa:-	Volvariella Tea – New Beverage from Volvariella Volvacea Mushroom
Innovation Competition UTP	2 penyertaan	
Anugerah Inovasi Perdana Menteri	1 penyertaan	
Anugerah Hari Intelek Negara 2017	4 penyertaan • Dr. Mek Zah Salleh • En. Sofian Alias • Pn. Nurul Huda • En. Zaifol Samsu	
Hari Inovasi Nuklear Malaysia	Emas : 4 Perak : 7 Gangsa: 10	



Pemenang Hari Inovasi Nuklear Malaysia
Winner of Nuklear Malaysia Innovation Day



PENGKOMERSIALAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

COMMERCIALISATION AND TECHNOLOGY TRANSFER

Khidmat Profesional

Jumlah Pendapatan daripada Khidmat Profesional

Nuklear Malaysia menjana pendapatan sebanyak RM10.38 juta melalui khidmat profesional yang diberikan kepada pelanggan sepanjang tahun 2017. Sebanyak 19 khidmat teknikal merupakan penyumbang tertinggi diikuti oleh pembekalan produk dan khidmat latihan. Sebahagian kecil pendapatan diperolehi daripada kontrak/geran penyelidikan/runding cara dan dividen dari pelaburan.



Professional Services

Revenue from Professional Services

Nuklear Malaysia generated revenue total RM10.38 million from profesional services provided to all customers in 2017. There are 19 technical services contibuted the higheres revenue followed by product supply and training. Others revenues are form contract/research grant/consultation and dividen from investment.

BIL NO.	SUMBER PENDAPATAN SOURCE OF REVENUE	JUMLAH PENDAPATAN (RM/JUTA) TOTAL OF REVENUES (RM/MILLION)
1.	Bekalan Produk Product Supply	2.75
2.	Latihan Training	2.72
3.	Perkhidmatan Teknikal Technical Services	4.25
4.	Kontrak/Geran penyelidikan/ Runding cara Contract/Research Grant/Consultation	0.54
5.	Dividen Daripada Pelaburan Dividen from Investment	0.12


Jenis-jenis Khidmat Profesional

Types of Professional Services

- 01 Makmal Standard Dosimetri Sekunder (SSDL)
- 02 RAYMINTEX - Loji Prapemvulkanan Lateks Getah Asli Menggunakan Sinaran Gama (RVNRL)
- 03 Pusat Pemprosesan Radioisotop (BRI)



Pendidikan dan Latihan Education and Training






Perkhidmatan Teknikal Technical Services

- 1.** Fizik Perubatan (KFP)
- 2.** Kimia Analisa (ACA)
